



## **JABATAN MUFTI NEGERI PAHANG**

### **TEKS KHUTBAH**

**Tajuk :**

**BERSEDIA MENUJU ALAM BARZAKH**

**Tarikh:**

**28 MEI 2021M / 16 SYAWAL 1442H**

**Disediakan oleh :**

**Bahagian Rujukan Fatwa**

**Jabatan Mufti Negeri Pahang**

## BERSEDIA MENUJU ALAM BARZAKH

16 SYAWAL 1442H/ 28 MEI 2021M

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْحَمْدُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلٌّ لَهُ وَمَنْ يُضْلِلُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسِلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ،  
فِيَّا عِبَادَ اللَّهِ، إِتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيْكُمْ وَإِيَّا يَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan yang mendapat keredhaan Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,**

Sebagai umat yang beriman dan berpegang kepada al-Quran dan al-Hadis, kita wajib mempercayai adanya kehidupan selepas kematian.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah an-Nisa ayat 78:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ  
أَيْنَمَا تَكُونُوا يُدْرِكُكُمُ الْمَوْتُ وَلَوْكُنْتُمْ فِي بُرُوجٍ مُّشَيَّدَةٍ ...



**Yang bermaksud :** “Di mana jua kamu berada, maut akan mendapatkan kamu (bila sampai ajal), sekali pun kamu berada dalam benteng-benteng yang tinggi lagi kukuh....”

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta’ala,**

Apabila nyawa telah berpisah dari badan, maka bermulalah perpindahan kita dari alam dunia ke alam barzakh sebelum kita dibangkitkan dan dihimpunkan di padang mahsyar.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmidzi yang bermaksud: “Sesungguhnya kubur ialah tempat perhentian yang pertama ke alam akhirat, jika seorang terselamat dari azabnya, maka di alam akhirat lebih ringan lagi kepadanya; dan jika dia tidak terselamat dari azab tersebut, maka dia akan menerima azab yang lebih berat lagi”.

Ketahuilah apabila jenazah seseorang diletakkan di dalam kubur, maka dua malaikat Mungkar dan Nakir akan mendatanginya dan menyoal beberapa soalan. Sesiapa yang berjaya dalam ujian ini dia akan selamat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Nikmat dan azab kubur itu tetap berlaku dan setiap manusia pasti akan menemuinya. Oleh itu kita sebagai orang yang beriman, hendaklah meyakini kebenarannya dan bersedia dengan amalan yang dapat membantu kita bagi mendapatkan nikmat kubur dan dapat menghindarkan dari azabnya.

Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari daripada Anas bin Malik Radhiallahu Anhu yang bermaksud: “*Tiga perkara akan mengikut orang mati ke kuburnya, kemudian dua daripadanya akan balik dan tinggal satu bersama-samanya; yang akan mengikutnya ke kubur ialah keluarga, harta dan amal, kemudian keluarga dan harta akan balik, dan tinggallah amal bersama-sama dengannya*”.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Munafiqun ayat 10:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَنِ الرَّجِيمِ

وَأَنِفَقُوا مِنْ مَا رَزَقْنَاكُمْ مِنْ قَبْلِ أَنْ يَأْتِيَكُمُ الْمَوْتُ فَيَقُولَ رَبِّ لَوْلَا



أَخْرَجَنِي إِلَى أَجَلِ قَرِيبٍ فَأَصَدَّقَ وَأَكُنْ مِنَ الصَّالِحِينَ

**Yang bermaksud :** “ *Nafkahkanlah (dengan mendermakan) sebahagian daripada rezeki yang Kami berikan kepada kamu sebelum seseorang daripada kamu sampai ajal maut kepadanya, (kalau tidak) maka dia (pada saat itu) akan merayu dengan*

katanya, “Wahai Tuanku! Alangkah baiknya kalau Engkau lambatkan kedatangan ajal mautku ke suatu masa yang sedikit sahaja lagi, supaya aku dapat bersedekah dan dapat pula aku menjadi dalam kalangan orang salih.”

بَارَكَ اللَّهُ لِنِ وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِ وَإِيَّاكُمْ إِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ  
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلَنِ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِنِ  
وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْأُمُّ سَلِمَيْنَ وَأُمُّ سَلِمَاتٍ، وَأُمُّ وُمِنِيْنَ وَأُمُّ وُمِنَاتٍ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ  
الرَّحِيمُ.